

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[SIPITANG]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [Sipitang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes penyakit yang dibawa oleh pekerja asing serta apakah cadangan bagi memperketatkan lagi prosedur saringan pengambilan pekerja asing menerusi panel doktor terpilih sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dasar Kerajaan adalah semua pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan iaitu semasa berada di negara asal mereka dan semasa berada di Malaysia. Tujuan pemeriksaan perubatan dijalankan adalah untuk memastikan pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia adalah sihat, tidak menghidap penyakit berjangkit serta sesuai untuk bekerja di Malaysia.

Untuk makluman pemeriksaan perubatan di negara asal pekerja asing akan dijalankan di fasiliti kesihatan atau hospital yang dipantau kualiti

pemeriksaan oleh Syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia. Jenis pemeriksaan dan format yang digunakan adalah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Semasa bekerja di Malaysia, pekerja asing perlu menjalani pemeriksaan perubatan sebanyak tiga kali iaitu dalam tempoh satu bulan ketibaan di Malaysia serta pemeriksaan tahunan iaitu sebelum berakhir tahun pertama dan sebelum berakhir tahun kedua di Malaysia.

Data pemeriksaan pekerja asing dari tahun 2011 hingga 2016 adalah seperti Jadual di bawah:-

**Jadual 1 : PEMERIKSAAN PERUBATAN PEKERJA ASING DARI 2010-2015**

| Perkara                   | 2010               | 2011               | 2012                 | 2013                 | 2014                 | 2015                 |
|---------------------------|--------------------|--------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| Jumlah disaring           | 951,933            | 935,043            | 1,361,228            | 1,277,282            | 1,324,458            | 1,053,372            |
| Jumlah sesuai             | 921,931<br>(96.8%) | 909,929<br>(97.3%) | 1,313,375<br>(96.5%) | 1,240,290<br>(97.1%) | 1,287,303<br>(97.2%) | 1,028,928<br>(97.7%) |
| Jumlah tidak sesuai       | 30,002<br>(3.2%)   | 25,114<br>(2.7%)   | 47,853<br>(3.5%)     | 36,992<br>(2.9%)     | 37,155<br>(2.8%)     | 24,444<br>(2.3%)     |
| Penyakit berjangkit       | 16,943<br>(55.7%)  | 14,132<br>(55.6%)  | 36,749<br>(74.9%)    | 24,912<br>(66.1%)    | 23,823<br>(63.1%)    | 15,368<br>(61.8%)    |
| Penyakit tidak berjangkit | 10,304<br>(33.8%)  | 8,414<br>(33.0%)   | 8,528<br>(17.4%)     | 9,283<br>(24.6%)     | 10,014<br>(26.5%)    | 6,670<br>(26.8%)     |
| Urin kehamilan            | 1,452<br>(4.8%)    | 1,413<br>(5.6%)    | 1,943<br>(3.9%)      | 1,490<br>(4.0%)      | 1,150<br>(3.0%)      | 759 (3.1%)           |
| Urin dadah                | 1,731<br>(5.7%)    | 1,464<br>(5.8%)    | 1,851<br>(3.8%)      | 1,988<br>(5.3%)      | 2,781<br>(7.4%)      | 2,059<br>(8.3%)      |

Sumber : FOMEMA Sdn. Bhd.

Dari data di atas, peratus mereka gagal dalam pemeriksaan perubatan pekerja asing dari tahun 2010 – 2015 adalah 2.3% hingga 3.2%. Punca utama kegagalan dalam pemeriksaan perubatan pekerja asing pada tahun 2010 hingga 2015 adalah disebabkan penyakit berjangkit iaitu dari 55.6% hingga 74.9%.

Pemeriksaan perubatan pekerja asing ini akan ditambah baik lagi dari 3 kali pemeriksaan kepada pemeriksaan perubatan setiap tahun selagi pekerja asing berada di Malaysia selain dari pemeriksaan perubatan di negara asal pekerja asing dan pemeriksaan dalam masa satu (1) bulan tiba di Malaysia. Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing / Pekerja Asing Tanpa Izin (JKKPA/PATI) bil 1-2016 pada 12 Mei 2016 yang dipengerusi oleh YAB Timbalan Perdana Menteri juga telah bersetuju perkara-perkara berikut:-

- (i) Mengekalkan pemeriksaan perubatan pekerja asing di negara asal sebelum datang ke Malaysia dan pada bulan pertama dari tarikh ketibaan di Malaysia;
- (ii) Mesyuarat bersetuju secara prinsip bagi pelaksanaan pemeriksaan perubatan pekerja asing setiap tahun selagi pekerja asing tersebut bekerja di Malaysia. Namun begitu, tindakan *engagement* bagi mendapatkan pandangan industri perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum keputusan sebarang pelaksanaan dibuat.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan majikan disarankan untuk memastikan bahawa pekerja asing menjalani pemeriksaan perubatan seperti yang disarankan oleh kerajaan bagi memastikan;

- i. Hanya pekerja asing yang sihat dan sesuai untuk bekerja sahaja dibenarkan bekerja di Malaysia;

- ii. Pengesanan awal penyakit berjangkit bagi mencegah penularan kepada majikan, masyarakat dan rakyat Malaysia secara umumnya; dan
- iii. Mengurangkan beban kos rawatan penyakit kronik yang terpaksa ditanggung majikan dan kerajaan.

Melalui pemeriksaan perubatan ke atas pekerja asing setiap tahun,

- i. Majikan dapat membantu pihak kerajaan mencegah penularan penyakit berjangkit di kalangan pekerja, majikan dan masyarakat keseluruhannya;
- ii. Majikan mendapat pekerja yang sihat yang dapat meningkatkan produktiviti syarikat atau organisasi;
- iii. Kurang kos rawatan di klinik atau hospital kerana mendapat pekerja asing yang sihat.